

28/02/1997

Meningkat daya saing orang Melayu

KEYAKINAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa orang Melayu boleh berjaya dalam teknologi maklumat jika mereka ada kemahuan dan mengetepikan anggapan bahawa mereka tidak boleh melakukannya berpaksi kepada perubahan sikap dan budaya kita selama ini. Orang Melayu kini sudah mengalami perubahan sikap dan budaya yang menyebabkan mereka sanggup berbuat sesuatu yang dulu mereka tidak terfikir melakukannya. Jika mereka boleh berjaya dalam pelbagai bidang baru diceburi seperti pembuatan kereta nasional dan kapal terbang ringan, tidak ada sebab mereka tidak boleh menguasai teknologi maklumat. Menurut Perdana Menteri, jika mahu berjaya dalam bidang teknologi maklumat, orang Melayu tidak harus ada perasaan takut kepada komputer, apa lagi ketika penggunaan teknologi itu semakin mudah. Anggapan kononnya orang Melayu agak lembap dan lambat bila mempelajari teknologi tidak benar kerana penguasaan orang Melayu dalam sesetengah teknologi seperti industri getah dan kelapa sawit membuktikan sebaliknya.

Kita kini berada di ambang ledakan teknologi maklumat. Kita mendapat gambaran yang semakin jelas mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) yang kini menjadi fokus setiap program teknologi. MSC diwujudkan di zon 15 kilometer kali 50 kilometer yang merentang Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) di utara ke pusat pentadbiran baru di Putrajaya dan Cyberjaya, pusat komersil sebagai tonggakunya. MSC akan dilancarkan dua bulan lagi dengan penubuhan Universiti Multimedia dan Nippon Telegraph and Telephone Corporation. Tujuan menubuhkan MSC ialah untuk menarik pelabur menggunakan infrastruktur berkenaan bagi urusan perniagaan mereka, merencana aplikasi multimedia, merangka penyelidikan dan pembangunan (R&D), menjadi pusat teknologi maklumat dan sektor perkhidmatan teknologi.

Oleh itu, sewajarnya kita perlu mengubah sikap dan berazam untuk mempelajari teknologi maklumat. Segenap lapisan orang Melayu harus digerakkan untuk menimba ilmu dan bersama-sama menyertai arus ledakan teknologi maklumat. Seperti kata Dr Mahathir tidak semua orang Melayu lemah, malah kita dapati ramai orang muda yang berpendidikan tinggi dalam teknologi maklumat sehingga bekerja di Hollywood untuk membuat macam-macam yang kita tidak pernah terfikir.

Sama ada orang Melayu boleh menggunakan komputer atau tidak adalah pilihan mereka sendiri. Kalau dari awal-awal lagi kita membuat anggapan bahawa kita tidak boleh, maka sudah tentu kita tidak akan cuba dan kita tidak boleh melakukan apa yang kita rasakan kita tidak terdaya melakukannya. Kita perlu kikis sikap mengalah dan takut mencuba sesuatu yang baru dan asing.

Kita tidak boleh lagi melakukan sesuatu yang lumrah dan berpuas hati dengan pencapaian setakat ini atas alasan tidak perlu bersusah payah. Orang Melayu tidak boleh cepat putus asa apabila laluan semakin sukar dan cabaran bertambah getir.

Untuk menjadi bangsa yang maju, kita perlu sentiasa meletakkan diri kita dalam keluk pembelajaran. Menimba ilmu adalah proses sepanjang hayat. Mengikut Prof Charles Handy, seorang perunding pengurusan terkemuka dunia, manusia sepatutnya melalui tiga proses pembelajaran, iaitu pembelajaran awal (ketika di kolej atau universiti), pembelajaran pertengahan kerjaya dan pembelajaran sebelum zaman persaraan. Bagaimanapun, menurut Handy proses pembelajaran unggul adalah yang dipilih oleh kita sendiri dan bukan dipaksakan ke atas kita. Sayugia dengan berfikiran terbuka terhadap ilmu

dan pengetahuan, kita boleh menggarap teknologi maklumat.

Melalui penguasaan dalam teknologi maklumat yang akan kita gunakan dalam segala bidang, kita pasti dapat menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang ini. Pengalaman yang diperolehi dengan menguasai teknologi maklumat meletakkan kita dalam keluk pengalaman yang akan meningkatkan daya saing kita.

Walaupun kita masih kerdil dalam bidang teknologi maklumat, keluk pengalaman akan meletakkan Malaysia di peta teknologi maklumat dunia dalam pembangunan dan aplikasi multimedia. Bidang baru ini akan meningkatkan kelebihan daya saing orang Melayu. Orang Melayu perlu bersama-sama menggembleng tenaga untuk menggilap kelebihan saingan Malaysia negara dalam meneroka alaf baru.

(END)